



PENGENALAN

MPKj Fun Race 2010 merupakan pertandingan berpasukan yang berkonsepkan "explore race" yang menggabungkan pelbagai cabaran dan ujian (task) untuk menguji ketahanan mental dan fizikal para peserta. Setiap pasukan akan diberikan peta asas yang perlu dilengkapkan dengan lokasi tempat ujian (Check Point) dan Kad Kawalan (Control Card). Setiap pasukan akan merangka strategi kumpulan masing-masing untuk sampai ke setiap "check point" untuk menyelesaikan cabaran atau ujian (task) yang akan diberikan di bawah masa (cut-off time) yang telah ditetapkan. Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah pungan markah tertinggi.

KATEGORI KUMPULAN

- 2 orang peserta sepasukan untuk kategori Terbuka dan IPTA/IPTS.
- 4 orang peserta sepasukan untuk kategori Kakitangan MPKj dan MPP.

*setiap peserta wanita di dalam pasukan akan diberikan potongan masa 5 minit daripada masa keseluruhan.

KEPERLUAN PESERTA (PASUKAN)

- Beg (minimum: 1 per pasukan)
- Kit pertolongan cemas (kecil)
- Air Mineral (akan diberikan oleh pihak penganjur pada setiap peserta)

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia sahaja dan berumur 18 tahun ke atas.
- Setiap peserta mestilah sihat tubuh badan, tiada penyakit atau kecederaan kritikal.
- Pihak penganjur akan menyediakan bantuan pertolongan cemas (tahap 1).
- Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan atau kecederaan sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
- Pihak penganjur berhak untuk mengubah syarat-syarat dan laluan di dalam pertandingan pada bila-bila masa sahaja.

FORMAT PERTANDINGAN

- Pertandingan ini akan bermula pada jam 7 pagi
- Setiap pasukan mestilah bersiap sedia 30 minit sebelum pertandingan bermula.
- Semasa pertandingan bermula, ketua daripada setiap pasukan akan pergi ke kawasan kuarantin (Control Area) untuk menanda semua lokasi tempat ujian (Check Point) di dalam peta asas yang diberikan kepada setiap pasukan. Hanya 2 minit diberikan.
- Apabila selesai, pasukan tersebut perlu menuju ke setiap check point yang telah ditandakan. Setiap check point mempunyai cabaran atau ujian misteri yang perlu diselesaikan untuk pungan markah. Sila ikut arahan yang akan diberikan oleh urusetia.
- Kad kawalan (Control Card) akan ditandakan oleh urusetia setelah cabaran atau ujian misteri berjaya diselesaikan.
- Hanya 3 jam diberikan untuk menamatkan pertandingan ini. Pasukan yang menamatkan pertandingan melebihi masa yang telah ditetapkan akan dikenakan penalti.
- Setiap pasukan hendaklah menyerahkan Control Card kepada urusetia pertandingan setelah pertandingan tamat untuk menentukan pemenang.
- Keputusan - Pemenang akan ditentukan berdasarkan pungan markah tertinggi. Jika terdapat persamaan di dalam pungan markah tertinggi, pemenang akan ditentukan berdasarkan masa tamat.
- Pihak penganjur atau urusetia pertandingan berhak membatalkan penyertaan mana-mana pasukan yang gagal atau tidak mematuhi syarat-syarat dan format pertandingan. Keputusan pengadil adalah muktamad.

HADIAH PERTANDINGAN

Kategori Terbuka (18 Tahun ke atas)

Pertama	: RM 2000.00
Kedua	: RM 1000.00
Ketiga	: RM 750.00
Keempat	: RM 400.00
Kelima	: RM 250.00
Ke 6 – 10	: SAGUHATI

Kategori IPTA/IPTS (18 Tahun Ke atas)

Pertama	: RM 1500.00
Kedua	: RM 900.00
Ketiga	: RM 600.00
Keempat	: RM 300.00
Kelima	: RM 200.00
Ke 6 – 10	: SAGUHATI

Kategori MPKj dan MPP

Pertama	: RM 800.00
Kedua	: RM 600.00
Ketiga	: RM 300.00
Keempat	: RM 200.00
Kelima	: RM 100.00
Ke 6 – 10	: SAGUHATI

YURAN PENYERTAAN

TERBUKA	RM 100.00
IPTA/IPTS	RM 80.00
KAKITANGAN MPKj, MPP	RM 60.00

Peserta akan menerima sijil penyertaan bagi setiap penyertaan.

TARIKH TUTUP PENYERTAAN

1 APRIL 2010

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI SEKRETARIAT MPKj FUN RACE 2010:

MOHD AFNAL BIN ROSLI 012-2022644
AHMAD REDUAN BIN ROZALI 019-2500022

KATEGORI TERBUKA

KATEGORI IPTA/IPTS

TARIKH:

NAMA KUMPULAN:

KETUA KUMPULAN

NAMA PENUH:

NO KAD PENGENALAN:

ALAMAT:

NO HP/TEL:

EMAIL:

JANTINA :

NAMA PENUH:

NO KAD PENGENALAN:

ALAMAT:

NO HP/TEL:

EMAIL:

JANTINA :

PENGAKUAN

Saya mengaku dan bersetuju akan mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan dan tidak menuntut sebarang ganti rugi dari pihak penganjur jika berlakunya kematian, kemalangan atau kecederaan sebelum, semasa atau selepas penyertaan saya dalam "MPKj FUN RACE 2010".

TANDATANGAN KETUA KUMPULAN (1):

TANDATANGAN PESERTA(2):

UNTUK KEGUNAAN URUSETIA
MPKj FUN RACE 2010